KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	21/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPN MELAKA			

Utusan 21.12.2021_32

Kemudahan hutan rekreasi rosak teruk

MELAKA: Hutan Rekreasi Sungai Udang di sini mampu menjadi tarikan produk pelancongan jika beberapa kemudahan dinaik taraf bagi memberi keselesaan pengunjung.

Kawasan berkeluasan 335 hektar berkenaan adalah sebahagian daripada rizab Hutan Simpan Sungai Udang yang dahulunya menjadi tarikan ramai.

Keunikan kawasan itu kaya pelbagai flora dan fauna serta sesuai untuk aktiviti rekreasi luar seperti melihat burung, berkhemah dan merentas denai.

Namun, tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan itu mendapati, beberapa kemudahan rosak teruk seperti pondok rehat, meja dan bangku, laluan siar kaki yang licin serta berlubang, selain pokok-pokok bahaya tidak dilupuskan.

Seorang pengunjung, Safuan Johar, 34, berkata, hutan rekreasi itu sebenarnya sangat menarik kerana kaya dengan keindahan khazanah hutan.



LALUAN siar kaki yang berlubang membahayakan pengunjung khususnya yang berjoging di Hutan Rekreasi Sungai Udang, Melaka. – UTUSAN/AMRAN MULUP

Namun katanya, beberapa kemudahan sedia ada didapati tidak dijaga dan rosak telah mencacatkan pemandangan pengunjung yang pertama kali berkunjung ke situ.

"Saya yakin beberapa kemudahan dibaik pulih sudah pasti ramai pengunjung bakal datang. Laluan siar kaki sejauh dua kilometer sangat menarik, tetapi licin dan berbahaya.

"Ini kali pertama saya berkunjung ke sini mengikuti program anak. Saya teruja sepanjang laluan siar kaki dapat melihat flora dan fauna tetapi banyak kemudahan yang rosak perlu dibaik pulih," katanya yang tinggal di Taman Seri Bertam di sini.

Dalam pada itu, seorang guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Malim, Azizan Abdullah berkata, kawasan tersebut sebenarnya menarik untuk dikunjungi, namun beberapa kemudahan dan kawasan itu dilihat tidak diselenggara dengan baik.